

**MENGENAL KESEDARAN PENGGUNA MUSLIM TERHADAP PRODUK  
MAKANAN HALAL DI SEKITAR KAWASAN BUKIT MERTAJAM,  
PULAU PINANG**

<b>10DPM14F1030</b>	<b>AHMAD ANWAR BIN ISHAK</b>
<b>10DPM14F1026</b>	<b>NUR SYAMIMI BINTI MOHAMMAD FAZIN</b>
<b>10DPM14F1500</b>	<b>NURUL AIN HASHIMAH BINTI HAMDAN</b>
<b>10DPM14F1064</b>	<b>NORAFIQAH ADLINA BINTI ABDUL AZIM KHOR</b>
<b>10DPM14F1042</b>	<b>SITI HAJAR BINTI RAMLI</b>

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH  
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

**JABATAN PERDAGANGAN  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**DISEMBER 2016**

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk "Untuk mengkaji kesedaran pengguna Muslim terhadap produk makanan halal di sekitar kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang" ini telah dikemukakan, disemak, serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh :

Nama penyelia : Puan Norlia Binti Zakaria

Tandatangan penyelia :

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Pensyarah Kursus : Dr. Nor Hasni Binti Haron

Tandatangan Pensyarah Kursus :

Tarikh :

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1. Tandatangani :  
Nama : Ahmad Anwar Bin Ishak  
No pendaftaran : 10DPM14F1030  
Tarikh : 12.10.2016
  
2. Tandatangani :  
Nama : Nur Syamimi Binti Mohammad Fazin  
No pendaftaran : 10DPM14F1026  
Tarikh : 12.10.2016
  
3. Tandatangani :  
Nama : Nurul Ain Hashimah Binti Hamdan  
No pendaftaran : 10DPM14F1500  
Tarikh : 12.10.2016
  
4. Tandatangani :  
Nama : Norafiqah Adlina Binti Abdul Azim Khor  
No pendaftaran : 10DPM14F1064  
Tarikh : 12.10.2016
  
5. Tandatangani :  
Nama : Siti Hajar Binti Ramli  
No pendaftaran : 10DPM14F1042  
Tarikh : 12.10.2016

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani Alhamdulillah, kami panjatkan sepuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan Taufik dan HidayahNya, kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Harapan semoga segala hasil usaha yang sedikit ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur kehadiran Illahi dengan limpah kurniaNya kami dapat menyiapkan kajian mengenai kesedaran pengguna terhadap produk makanan halal ke atas pengguna muslim di kawasan Bukit Mertajam dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Nor Hasni Binti Haron selaku pensyarah dan Puan Norlia Binti Zakaria selaku penyelia di atas segala tunjuk ajar, dorongan serta nasihat yang berguna sepanjang kami menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman dan panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan. Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu menyumbangkan idea dan bahan sampingan dan para responden yang telah memberikan kerjasama semasa menjawab soal selidik yang diedarkan tempoh hari. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak bagi menyempurnakan kajian ini. Semoga Allah memberkati dan membalas dengan kebaikan jua. Sekian, wasalam.

## ABSTRAK

Produk makanan halal merupakan satu produk yang digunakan oleh semua pengguna Muslim tidak kira di mana sahaja mahupun di dalam dan di luar negara. Namun, produk makanan halal sering mempunyai isu di mana pengguna Muslim tidak sedar bahawa bahan-bahan yang digunakan tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengguna sedar akan penggunaan bahan yang halal, pengetahuan pembeli terhadap produk-produk berlogo halal dan keprihatinan pengguna terhadap isu semasa berkaitan produk makanan halal. Seramai 100 orang responden, lelaki dan perempuan dari beberapa buah pasaraya di sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang telah terlibat dalam kajian ini. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang mengandungi 30 item menggunakan pengukuran berskala Likert (*Likert Scale*). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa produk makanan halal wajib diteliti sebelum membuat pemilihan makanan bagi masyarakat yang beragama Islam.

## ABSTRACT

*Halal food product is a product that is used by all Muslim consumers no matter where or even inside and outside the country. However, Halal food products often have an issue where Muslim consumers are not aware that materials used are not in accordance with the standards set by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). This study is intended to identify the user is aware of the use of the halal, buyers knowledge of the products bearing the halal and consumer concerns on current issues relating to halal food products. A total of 100 respondents, men and women from several malls around Bukit Mertajam, Penang have been involved in this study. A questionnaire was used as an instrument containing 30 items using Likert scale measurement. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 22.0. Overall, the findings indicate that the halal food products must be examined before making the selection of food for the Muslim community.*

# KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>	ii
	<b>PENGAKUAN</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii - ix
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Latar belakang masalah	1 - 3
1.2	Penyataan masalah	3 - 4
1.3	Objektif kajian	4
1.4	Persoalan kajian	5
1.5	Skop kajian	5
1.6	Kepentingan kajian	
	1.6.1 Kepentingan Kepada Pengguna	5
	1.6.2 Kepentingan Kepada JAKIM dan JAIN	6
	1.6.3 Kepentingan Kepada Pengkaji Masa Hadapan	6
1.7	Definisi operasional	
	1.7.1 Kesedaran	6 - 7
	1.7.2 Pengetahuan	7
	1.7.3 Keprihatinan	7
	1.7.4 Pengguna	8
	1.7.5 Pembeli	9
	1.7.6 Makanan	9
	1.7.7 Halal	9 - 10

1.8	Limitasi kajian	
	1.8.1 Masa Yang Terhad	11
	1.8.2 Kos Perbelanjaan	11
	1.8.3 Tempat	11
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pengenalan	12 - 13
2.2	Faktor Kesedaran	14 - 15
2.3	Faktor Pengetahuan	15 - 18
2.4	Faktor Keprihatinan	18 - 20
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pendahuluan	21 - 22
3.2	Reka bentuk kajian	22
3.3	Kaedah pengumpulan data	23
	3.3.1 Data primer	23
3.4	Populasi dan Sampel	24
3.5	Instrumen kajian	25
	3.5.1 Borang soal selidik	25
	3.5.2 Bahagian A : Borang Maklumat Diri	26
	3.5.3 Bahagian B : Borang Soal Selidik	26 - 27
3.6	Kaedah menganalisis data	27
	3.6.1 Analisis kajian rintis	28
	3.6.2 Analisis kekerapan	28
	3.6.3 Analisis min	28
3.7	Kesimpulan	29
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	30
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	31
4.3	Dapatan Kajian	32
	4.3.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden	33 - 38
	4.3.2 Bahagian B: Kajian Terhadap Kesedaran	39 - 47

Pengguna Terhadap Produk Makanan Halal Di  
sekitar kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang

4.4 Kesimpulan 48

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan 49

5.2 Perbincangan

5.2.1 Perbincangan berkaitan faktor kesedaran 50 - 52

5.2.2 Perbincangan berkaitan faktor pengetahuan 53 - 56

5.2.3 Perbincangan berkaitan faktor keprihatinan 57 - 58

5.3 Implikasi

5.3.1 Implikasi kepada Pengguna 59

5.3.2 Implikasi kepada Pengusaha 59

5.3.3 Implikasi kepada Kerajaan 60

5.4 Cadangan

5.4.1 Cadangan kepada Pengguna 60 - 61

5.4.2 Cadangan kepada Pengusaha 61 - 62

5.4.3 Cadangan kepada Kerajaan 62 - 63

5.5 Kesimpulan 63 - 64

5.6 Rujukan

5.7 Lampiran

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
<b>BAB 4</b>		
4.2.1	Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data	31
4.4	Skala Min Skor	39
4.4.1	Analisa Soalan Tentang Kesedaran Pengguna Terhadap Produk Makanan Halal Ke Atas Pengguna Muslim Di Kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. (Faktor Kesedaran)	40
4.4.2	Analisa Soalan Tentang Kesedaran Pengguna Terhadap Produk Makanan Halal Ke Atas Pengguna Muslim Di Kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. (Faktor Pengetahuan)	42 - 43
4.4.3	Analisa Soalan Tentang Kesedaran Pengguna Terhadap Produk Makanan Halal Ke Atas Pengguna Muslim Di Kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. (Faktor Keprihatinan)	45 - 46

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 4</b>		
4.3.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	33
4.3.2	Taburan Responden Mengikut Umur	34
4.3.3	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Pembelian untuk Sebulan	35
4.3.4	Taburan Responden Mengikut Jumlah Tanggungan	37
4.3.5	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	38

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Sijil dan logo halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk itu menggunakan bahan-bahan yang halal mengikut syarak yang ditetapkan tetapi juga mempunyai implikasi besar terhadap perniagaan dan juga keadaan ekonomi sesebuah negara. Hal ini adalah kerana pengguna Muslim akan lebih tertarik kepada produk makanan yang disahkan halal yang mempunyai jaminan kualiti dan keselamatannya. Sesebuah negara yang berusaha untuk memajukan sektor ekonominya berlandaskan prinsip halal seperti Malaysia melalui Hab Halal akan menjadi tumpuan pemasar dari seluruh dunia untuk memasarkan produk makanan halal mereka ke seantero dunia.

Selain itu, para usahawan dari Malaysia juga akan memperoleh faedah daripada Hab Halal kerana mereka akan dapat memasarkan produk makanan halal yang dikeluarkan ke negara-negara lain dengan mudah. Seterusnya menjana ekonomi negara hasil daripada pelbagai transaksi yang dijalankan. Pasaran produk halal yang besar membuatkan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menjadi rakus memanipulasi logo halal untuk tujuan pemasaran dan keuntungan sahaja tanpa mengambil kira bahan-

bahan yang digunakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), nilai-nilai kemasyarakatan dan sensitiviti di sesebuah negara. Oleh yang demikian, para pengguna yang tidak mengetahui perkara yang sebenar dan ditipu oleh pihak-pihak tertentu akan berasa kecewa. Hal ini sudah pasti akan menimbulkan kemarahan masyarakat terutamanya yang beragama Muslim yang mementingkan aspek kandungan bahan yang halal, kualiti dan kesihatan di dalam penggunaan produk makanan yang telah dibeli.

Kesedaran pengguna terhadap penggunaan logo halal yang terdapat pada sesuatu produk makanan dapat dikenalpasti apabila pengguna menyedari tentang kepentingan logo halal yang benar-benar sah dan mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa. Sesuatu produk makanan itu perlu mempunyai logo halal yang sah dan menepati piawaian yang telah ditetapkan bagi menjamin kandungan yang digunakan, kualiti dan keselamatan pengguna dari segi kesihatan dan hukum syarak.

Bagi industri pemprosesan makanan, sesuatu produk dikatakan halal apabila bahan mentah, kandungan dan perasa yang digunakan adalah halal serta sistem pemprosesan selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Pengesahan halal juga merangkumi cara penyediaan, cara pembuatan dan kebersihan premis. Oleh itu, perkataan halal yang dipaparkan bukan merujuk kepada jenis produk makanan yang dijual sahaja malah lebih daripada itu.

Justeru, tahap keyakinan pengguna terhadap produk yang berlabel halal itu akan dikenalpasti sama ada pengguna betul-betul yakin atau was-was dalam pembelian dan penggunaan mereka terhadap produk yang dipaparkan berlabel halal di samping penggunaan bahan-bahan yang halal mengikut piawaian dan hukum syarak yang ditetapkan. Selain itu, timbul juga persoalan adakah pembeli sedar tentang penggunaan

bahan yang halal. Turut tidak ketinggalan ialah pengetahuan pembeli terhadap produk-produk makanan halal yang dipasarkan.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Menurut Utusan Malaysia, 11 Julai 2006, kerajaan bercadang untuk mewujudkan Akta Logo Halal bagi membolehkan pihak berkuasa menangani masalah lambakan logo halal. Sehubungan dengan itu, telah menimbulkan permasalahan di kalangan pengguna kini yang tidak faham akan wujudnya kepelbagaian logo halal di negara ini. Masalah tersebut timbul berikutan ketiadaan akta khusus bagi membolehkan pihak berwajib mengambil tindakan berhubung perkara itu. Malah, Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman berkata, ketiadaan kuasa perundangan seperti itu turut digunakan oleh pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan mengeksploitasi status halal.

Selain itu, proses pengeluaran dan pengesahan logo halal ini juga sepatutnya perlu diberi perhatian yang serius kerana kebanyakan pengguna Islam di negara ini tidak faham akan pengesahan logo halal tersebut. Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia, 11 Julai 2006, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada ketika itu, Datuk Mustapa Abdul Rahman berkata bahawa pihaknya tiada kuasa mengenakan tindakan kepada pihak yang mengeluarkan logo halal ekoran tiada peruntukan undang-undang yang membenarkan untuk berbuat demikian. Keadaan ini bagaimanapun menimbulkan spekulasi tentang peranan kerajaan khususnya JAKIM dan pejabat agama negeri yang seolah-olah tiada kuasa dan tidak serius dalam penguatkuasaan penyalahgunaan logo halal yang diiktiraf.

Menurut Mohammad Sofee Razak, menerusi rencana di Utusan Malaysia bertarikh 24 Disember 2009, isu halal ini telah menimbulkan kegelisahan dan dilema kepada pengguna Muslim untuk memilih produk atau perkhidmatan yang betul-betul suci serta memenuhi kehendak syariah. Oleh itu, logo halal ini memerlukan satu bentuk penguatkuasaan yang sistematik dan berkesan bagi menangani masalah yang serius seterusnya membantu mana-mana pihak yang tidak faham dan kurang yakin akan pengesahan logo halal yang berada dalam pasaran.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan penguatkuasaan yang padu, diharap dapat melahirkan satu mekanisme perundangan yang komprehensif dan mampu memberikan impak yang positif kepada semua pengguna Muslim mahupun bukan Muslim tentang penggunaan logo halal serta kualiti dan kandungan bahan-bahan yang digunakan dalam mengeluarkan produk makanan halal yang sah dan diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.3.1 Untuk mengenalpasti pembeli sedar akan penggunaan bahan yang halal.
- 1.3.2 Untuk mengenalpasti pengetahuan pembeli terhadap produk-produk makanan halal.
- 1.3.3 Untuk mengenal pasti keprihatinan pembeli terhadap isu semasa berkaitan produk makanan halal.

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Adakah pembeli sedar tentang penggunaan bahan yang halal.
- 1.4.2 Adakah pembeli mempunyai pengetahuan terhadap produk-produk makanan halal.
- 1.4.3 Adakah pembeli prihatin terhadap isu semasa berkaitan produk makanan halal.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Skop kajian yang kami jalankan adalah di pasaraya-pasaraya sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini meliputi semua pengguna muslim di kawasan tersebut yang terdiri daripada 100 orang responden yang keseluruhannya berbangsa Melayu untuk mendapatkan maklumat bagi mengukuhkan lagi kajian yang kami jalankan tentang kesedaran pengguna terhadap produk makanan halal. Ini kerana majoriti pengguna yang menggunakan produk makanan yang berlabel halal adalah berbangsa Melayu.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

### **1.6.1 PENGGUNA**

Maklumat dan bahan berkaitan produk makanan yang halal dapat dikumpulkan dan diterbitkan sebagai garis panduan yang lengkap dalam membantu pengguna. Pengguna dapat memahami dan mengenalpasti produk makanan halal yang wujud di pasaran.

## **1.6.2 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DAN JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI (JAIN)**

Hasil dapatan kajian ini, dapat membantu pihak JAKIM dan jabatan-jabatan agama Islam negeri dalam memantau, memberi panduan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai garis panduan makanan halal yang sebenar dalam melaksanakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai pengeluar makanan halal dunia.

## **1.6.3 PENGKAJI MASA HADAPAN**

Kajian yang dijalankan juga dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk pengkaji akan datang. Pengkaji akan datang boleh memperluaskan lagi kajian ini dalam skop yang lebih luas samada untuk seluruh negeri Pulau Pinang atau Malaysia bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih tepat.

## **1.7 DEFINISI OPERASI**

### **1.7.1 KESEDARAN**

Menurut Taidin Suhaimin, kesedaran (atau keinsafan) secara umumnya bererti pemerolehan kebijaksanaan atau pemahaman baru yang membolehkan kejelasan tanggapan.

Kesedaran dapat didefinisikan sebagai kepekaan individu atau sesuatu kumpulan terhadap sesuatu keadaan yang mana dipengaruhi oleh pengetahuan atau pendedahan yang diterima daripada pelbagai sumber. Ia berkait rapat dengan pengaruh persekitaran yang diterima sama ada secara langsung atau tanpa disedari oleh pihak tertentu.

### **1.7.2 PENGETAHUAN**

Pengetahuan adalah informasi yang telah diproses dan diorganisasikan untuk memperoleh pemahaman, pembelajaran dan pengalaman sehingga dapat diaplikasikan ke dalam sesuatu masalah. Pengetahuan dapat juga diertikan sebagai gejala yang ditemui dan diperoleh manusia melalui pengamatan akal. Pada saat seseorang menggunakan akal budinya untuk mengenali suatu kejadian tertentu yang belum pernah dirasakan sebelumnya itu dapat memunculkan sebuah pengetahuan. Dalam konteks kajian kami, pengetahuan bermaksud maklumat yang pembeli miliki atau peroleh. Sebagai contoh, pengetahuan pembeli tentang produk makanan halal yang wujud di pasaran.

### **1.7.3 KEPRIHATINAN**

Keprihatinan bermaksud seseorang memahami dengan segala keadaan dan keperluan hidup yang membawa diri untuk bersikap arif dan bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Keprihatinan juga bermaksud tindakan bagi mengatasi apa yang diperhatikan. Bagi konteks kajian kami, prihatin membawa maksud adakah pembeli peka tentang isu semasa berkaitan produk makanan halal. Sebagai contoh, isu *Cadbury* yang diragui status halalnya.

## 1.7.4 PENGGUNA

Menurut Nurizan Yahya, Jaiyah Shahbuddin dan Jariah Masud, Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia (1985), pengguna membawa maksud orang yang menggunakan barangan dan perkhidmatan di pasaran untuk keperluan diri dan keluarganya.

Menurut Sarbin, peranan seorang pengguna ialah merancang apa yang hendak dibeli, mencari barang untuk dibeli, membeli dan seterusnya menggunakan barang-barang tersebut. Ini menunjukkan pengguna boleh mempengaruhi jenis barang-barang yang dijual di pasaran. (Schoenfeld dan Natella)

Nabsiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000) dan Herta Herzog (1979: 4-5) menjelaskan bahawa pengguna secara asasnya adalah setiap orang yang menggunakan produk sama ada dibelinya sendiri atau dibeli oleh orang lain. Sementara Khālid 'Abd al-Rahman (2006), Zayd Muḥammad al-Rumānī (2004), Muḥammad Aḥmad Abū Sayyid (2004), Salzalena Salam (2008), Muhammad Tarmizi Abdul Rahman (2003) dan Nik Mustapha Nik Hassan (2005: 49-61) pula menerangkan takrif pengguna dari perspektif Islam iaitu seseorang yang menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan, bagi memenuhi keperluan dan keinginan diri sendiri atau orang lain melalui proses tertentu tanpa melampaui batasan yang baik dan suci.

### **1.7.5 PEMBELI**

Pembeli diambil dari istilah asing (Inggeris) iaitu '*consumer*', yang dimaksudkan sebagai "seseorang yang membeli barang tertentu atau menggunakan perkhidmatan tertentu" atau "seseorang yang menggunakan suatu persediaan atau sejumlah barang". Ada juga yang mendefinisikan "setiap orang yang menggunakan barang atau perkhidmatan".

### **1.7.6 MAKANAN**

Makanan merupakan keperluan asas manusia tanpa mengira tahap sosial ekonomi individu. Pengambilan makanan yang menepati nutrien-nutrien yang diperlukan badan. Ia juga makanan yang diambil oleh kebanyakan orang sebagai makanan sampingan sebelum atau selepas seseorang itu mengambil makanan yang berat. Boleh dikatakan pada hari ini ramai yang lebih suka menjadikan makanan segera sebagai makanan harian mereka.

### **1.7.7 HALAL**

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) halal ini merupakan makanan yang tidak mengandungi bahan yang tidak terdapat najis oleh hukum syarak. Juga merupakan makanan yang disediakan, diproses atau dikilangkan dengan menggunakan peralatan yang tidak dicemari oleh bahan-bahan yang boleh dikategorikan sebagai najis oleh hukum syarak tidak kira semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, atau pemindahannya.

Menurut Che Hassan Pahmi Che Mamat (2008: 10-16), Mohamad Hashim Kamali (2011: 10-56) dan Aznan Hasan (2011: 29-52) halal diertikan sebagai sah menurut Syariat

dan dibenarkan bagi orang Islam. Malah pengambilan produk yang halal dan bersih adalah dituntut dan penting untuk diamalkan serta mempunyai pelbagai kelebihan berdasarkan kepada dalil al-Quran dan al-Hadith.

## **1.8 LIMITASI KAJIAN**

### **1.8.1 MASA YANG TERHAD**

Dari sudut masa, kajian ini hanya diberi masa yang terhad sahaja. Dengan masa yang diperuntukkan ini menjadi penghalang untuk kami menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

### **1.8.2 KOS PERBELANJAAN**

Kos juga adalah salah satu batasan dalam kajian kami. Misalnya kami perlu menggunakan kos perbelanjaan yang tinggi untuk membuat salinan kerja dan laporan kajian. Kami turut perlu mengeluarkan wang sendiri untuk pergi ke tempat kajian dengan menyewa kereta sewa kerana tidak memiliki kenderaan sendiri yang memudahkan urusan kami.

### **1.8.3 TEMPAT**

Kajian ini hanya tertumpu kepada pembeli produk makanan halal di pasaraya-pasaraya sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Oleh itu, hasil kajian ini tidak dapat dijadikan kesimpulan umum kepada semua pembeli produk makanan halal di Malaysia.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Konsep halal dan tayyiban merupakan dua nama yang sinonim dan berkait rapat antara satu sama lain. Halal bermaksud sebarang perkara atau benda yang dibenarkan oleh syarak. Manakala haram adalah perkara yang dilarang. Sedangkan di antara halal dan haram tersebut adalah perkara syubhah yang sebolehnya dijauhi. Dalam perbendaharaan al-Quran, saranan untuk memilih makanan yang jelas dinukilkan beberapa kali di dalamnya sama ada dari segi konsep, kriteria dan contoh berkaitan halalan dan tayyiban.

Allah SWT berfirman: Maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”(Surah al-Baqarah, 2:168)

Dalam surah yang lain, Allah SWT juga berfirman: Maksudnya:

“Oleh itu, makanlah (Wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukur lah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.” (Surah al-Nahl, 16:114)

Jelas daripada ayat-ayat tersebut, aspek pemakanan diberi penekanan oleh al-Quran. Ini kerana implikasinya amat besar sama ada dari segi tingkah laku, psikologi, malah perundangan Islam. Makanan dan minuman yang haram dapat melahirkan tingkah laku yang negatif.

Hal ini ditekankan melalui firman-firman Allah SWT serta hadis Rasulullah SAW. Antara firman Allah SWT ialah dalam surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: *“Wahai manusia! Makanlah dari (makanan) yang halal dan baik yang terdapat di bumi ini, dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya, syaitan musuh yang nyata bagimu”*.

Setiap manusia mempunyai pandangan, persepsi dan penilaian tersendiri yang berbeza antara satu sama lain termasuk sebab-sebab tertentu dan agama. Pendapat ini turut diterima oleh Ernest Cyril De Run et al. (2010: 25-36), Wan Musa Wan Ibrahim (2004) dan Munyaradzi Mutsikiwa bersama Clay Hutama Basera (2012: 112-119) yang mana mendapati agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap dan pandangan individu, malah tahap keprihatinan dan pandangan individu itu berhubungkait dengan didikan agamanya.

## 2.2 UNTUK MENGENALPASTI PEMBELI SEDAR AKAN PENGGUNAAN BAHAN YANG HALAL

Kesedaran tentang kepentingan produk halal dan selamat semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah umat Islam dunia. Keprihatian sikap pengguna Muslim di negara ini akan melahirkan umat Islam yang beriman dan bertaqwa.

Menurut Lokman Ab. Rahman (2012), Omer Abdu Zerai (2011), dan Azliza Muhammad (1999), konsep industri makanan halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM adalah selari dengan konsep halal dalam Islam bahkan ianya memenuhi syarat-syarat halal dalam penyediaan makanan.

Dalam pemikiran Islam, makanan halal tidak hanya mempersoalkan tentang haiwan yang tidak halal untuk dimakan atau digunakan oleh umat Islam. Namun, ada juga kriteria tertentu yang harus dianggap seperti makanan halal juga merangkumi aspek keselamatan dan kualiti yang sangat berkait dengan penanganan, pengolahan, peralatan, alat bantu pengolahan, pengemasan, penyimpanan dan pengangkutan. (Ardayanti, Nashril & Helmi, 2013).

Selaras dengan itu, menurut penelitian Zailani, Omar, dan Kepong (2011) menyatakan sertifikasi halal sebagai bentuk pengujian terhadap makanan mulai dari persiapan, penyembelihan, pembersihan, proses, perawatan, pembasmian kuman, penyimpanan, pengangkutan, sebaik mungkin. Sertifikasi halal menjamin kebersihan suatu produk agar boleh dimakan oleh umat muslim.

Faktor sikap merupakan keyakinan seseorang bahawa setiap tingkah laku akan menghasilkan keputusan tertentu dan penilaian orang lain terhadap hasil tersebut. Ini turut disokong oleh Lada *et al.* (2009) yang menyatakan bahawa niat terhadap tingkah laku seseorang adalah fungsi kepada dua penentu asas, iaitu pengaruh peribadi dan pengaruh sosial.

Kesimpulannya, pengguna perlu sedar halal itu bukan sekadar halal makanannya, tapi juga dari sumber bagaimana cara untuk mendapatkannya juga seharusnya halal. Kalau sumbernya haram seperti rasuah, mencuri, merompak, menjual tanah rakyat dengan harga yang rendah, maka makanan yang dimakan walaupun pada zahirnya adalah halal tetapi ianya tetap haram. Kajian lepas menemui bahawa pembeli sedar akan penggunaan bahan yang halal. Pengkaji (Lokman ab Rahman *et. al* (2012), Ardayanti (2013), Zailani (2011) dan Lada *et. al* (2009) ) mempunyai pendapat yang berbeza.

### **2.3 UNTUK MENGENALPASTI PENGETAHUAN PEMBELI TERHADAP PRODUK-PRODUK MAKANAN HALAL**

Pendidikan Kepenggunaan adalah sangat penting supaya semua pengguna mempunyai ilmu dan kefahaman yang mencukupi dalam membuat pembelian atau penggunaan terhadap produk atau perkhidmatan yang berada di pasaran. Dengan pengetahuan dan kesedaran mengenai produk tersebut, mereka boleh membuat sesuatu keputusan yang lebih bijak dan memuaskan dirinya.

Menurut Sidi Gazalba (2008), pengetahuan adalah apa yang diketahui atau hasil pekerjaan daripada kenal, faham dan pandai ianya merupakan hasil suatu proses atau pengalaman seseorang.

Menurut Zalina Zakaria (2004), di dalam Peraturan Makanan 1985 tidaklah memperuntukkan secara jelas peruntukan berkenaan keperluan halal, namun Seksyen 11 (1) (c) menyatakan bahawa makanan yang mengandungi daging lembu, daging babi, atau apa-apa yang dibuat darinya, atau lemak babi, hendaklah dibuat pernyataan tentang penggunaan atau kehadiran bahan-bahan tersebut di dalam sesuatu makanan pada labelnya.

Menurut Zalina Zakaria (2004) lagi, pengguna juga harus mempunyai pengetahuan tentang prosedur berkaitan permohonan sijil pengesahan halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengetahuan yang ada dapat memastikan pengguna mengenal pasti samada pengesahan halal yang terdapat pada sesuatu produk makanan tersebut sah ataupun tidak.

Tambahan pula, menurut Ahmad, Abaidah, dan Yahya (2013) kesedaran halal diketahui berdasarkan kefahaman seorang Muslim tentang apa itu halal, mengetahui proses penyembelihan yang betul, dan mengutamakan makanan yang halal untuk mereka makan. Berdasarkan pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa kesedaran halal adalah suatu pengetahuan muslim tentang konsep halal, proses halal, dan menganggap bahawa makan makanan halal merupakan hal yang penting bagi dirinya.

Sementara itu pandangan dan persepsi daripada pihak pengguna pula diulas oleh Zainalabidin Mohamed et al. (2008: 41) dan Nordin Ahmad (2007) yang mendapati bahawa penggunaan logo halal JAKIM semata-mata pada sesuatu barangan tidak cukup untuk meyakinkan pengguna akan status kehalalan barangan tersebut. Namun demikian tidak dinafikan bahawa penggunaan logo halal ini banyak membantu pengguna.

Menurut Yunus *et al.* (2014) pengetahuan, informasi dan Islam, umat muslim sangat pentingkan pemilihan makanan yang akan mereka makan. Dalam perspektif Islam, bahan makanan yang perlu dipertimbangkan iaitu termasuk isu-isu kepentingan orang muslim pada bahan dan kualiti serta kesempurnaan isi makanan. Itulah sebabnya pengetahuan tentang bahan produk menjadi penting sebagai pertimbangan pembeli dalam memilih produk.

Justeru, sikap pengguna terhadap isu halal menjadi antara aspek penting kerana ia menggambarkan tindakan individu terhadap pemilihan sesuatu perkara. Menurut Endang sebagaimana dipetik oleh Siti Zanariah Hj Yusoff (2014), sikap merujuk kepada kecenderungan psikologi seseorang individu dalam menilai sesuatu perkara dan berkaitan dengan penapisan sendiri sesuatu perlakuan tersebut. Ini bermakna, sikap pengguna dapat menjelaskan tingkahlaku pengguna berkenaan dengan apa sahaja, bila, mengapa, bagaimana dan di mana individu itu membeli atau tidak membeli sesuatu produk.

Menurut Wandel (2007) sebahagian besar orang sangat serius untuk mengetahui apa yang mereka makan dan maklumat ini umumnya terdapat pada pelabelan makanan. Pada bahagian pelabelan makanan inilah umumnya tercantum sumber atau bahan-bahan apa saja yang digunakan dalam membuat makanan. Hal ini juga yang mempengaruhi perilaku pembeli terhadap produk. Pembeli akan melihat label kandungan sebagai suatu pengetahuan untuk membeli produk atau tidak.

Dalam konteks Malaysia, menurut Mohd Anuar Ramli *et al.* (2012) pendidikan kepenggunaan halal semakin berkembang dan ia didorong oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengguna Islam. Program pendidikan kepenggunaan halal akan menyumbang kepada situasi menang-menang (*win-win situation*) di antara para pengguna dan pengusaha industri halal. Program ini signifikan bagi memberikan kesedaran tentang

hak mendapatkan produk halal dan tanggungjawab memilih produk halal dalam kalangan pengguna Islam.

Oleh itu, pengguna harus mempunyai pengetahuan dalam meneliti kandungan yang terdapat pada sesuatu produk agar dapat dipastikan ia benar-benar halal dan selamat. Menurut Zalina Zakaria (2004), Ahmad et. al (2013) Wandel (2007), pengguna perlu mempunyai pengetahuan yang secukupnya berkaitan produk atau perkhidmatan yang akan digunakan sama ada dari segi kandungan, cara pemprosesan, pembungkusan, perlabelan dan lain-lain lagi bagi memastikan produk atau perkhidmatan tersebut adalah halal dari segi syarak.

#### **2.4 UNTUK MENGENAL PASTI KEPRIHATINAN PEMBELI TERHADAP ISU SEMASA BERKAITAN MAKANAN HALAL**

Tidak lama lagi Malaysia dijangka akan menjadi sebuah pusat produksi bagi pengedaran produk dan perkhidmatan halal, rujukan standard halal dan juga *Research and Development* (R&D) berkaitan halal. Oleh itu pengguna pada masa kini perlu lebih peka dan prihatin terhadap keselamatan dan kualiti produk serta perkhidmatan yang digunakan.

Mereka turut mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap sistem, usaha dan peranan JAKIM dalam melakukan penyelidikan, pensijilan dan pengurusan halal di Malaysia. Zalina Zakaria (2007b: 409-428) dan John Pointing et al. (2011: 206-213) menambah dengan membincangkan tentang masalah yang berlaku dan akta yang berkaitan dalam pemalsuan pensijilan halal serta tindakan yang dikenakan kepada pesalah.

Sebagai contoh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak akan bertindak terhadap pemilik premis makanan dan pemilik restoran yang menggantung papan tanda serta mempamer pelekat 'no pork' dan 'pork free' yang boleh mengelirukan umat Islam. Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata tindakan adalah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Katanya, JAKIM menasihatkan umat Islam melihat halal bukan bersabit isu tanda atau label, tetapi perlu secara menyeluruh dengan memastikan makanan diambil benar-benar halal dari sudut Islam.

Antaranya seperti laporan Abdul Kadir Mohd Ayub (2012) ialah sikap tidak kisah pengguna Muslim terutama golongan remaja yang mengunjungi premis-premis yang jelas tiada logo halal dan tidak pernah diiktiraf oleh pihak JAKIM amatlah membimbangkan. Faktor amalan gaya hidup moden dan kebiasaan melepak di cafe sedemikian menjadi salah satu alasan mereka untuk mengunjungi tempat tersebut.

Kemudiannya, selain daripada JAKIM, pada tahun 2008 berlaku perubahan di mana pengurusan pensijilan halal Malaysia dikendalikan oleh *Halal Industry Development Corporation* (HDC) juga antara badan yang secara langsung membantu kepada perkembangan industri halal di Malaysia. HDC telah ditubuhkan pada 18 September 2006 hasil daripada aspirasi YAB Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal antarabangsa.

Pada tahun 2009, penambahbaikan telah dilakukan untuk memenuhi keperluan terkini industri halal dengan memperkenalkan MS1500 dengan versi baru. Standard Malaysia MS1500:2009 Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua) telah menggabungkan garis panduan keselamatan berdasarkan MS1480:2007 Analisis Bahaya dan Titik Kawalan

Kritikal (HACCP – *Hazard Analysis and Critical Point Analysis System*), MS1514:2009 Amalan Pengilangan Baik (GMP - *Good Manufacturing Practice*), MS1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti –Keperluan dari Perspektif Islam, akta-akta, garis panduan serta protokol lain yang berkaitan. (Nurulaina, 2015).

Selaras dengan itu, Malaysia merupakan negara pertama dunia yang memperkenalkan standard halal secara menyeluruh dan meluas konsepnya melalui penggunaan e-halal dan mendahului negara-negara lain dengan kejayaan JAKIM menjadi badan persijilan pertama di dunia yang mengguna dan mengesahkan pengeluaran produk Farmaseutikal halal - (Garis Panduan Umum). Ianya mampu membantu pengeluar atau pengilang menghasilkan produk ubatan patuh syariah (Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa, 2015).

Tidak dinafikan faktor geografi Malaysia yang spesifik dan strategik juga secara tidak langsung membantu dalam memastikan keseragaman aplikasi standard halal di seluruh negara. Menurut (John Pointing et al. (2011: 206-213), Datuk Othman Mustapha, Abdul Kadir Mohd Ayub (2012) ) beberapa usaha dan tindakan telah dijalankan oleh pihak JAKIM untuk memastikan pembeli lebih prihatin terhadap isu semasa berkaitan makanan halal. Usaha tersebut bagaimanapun diterima dengan pandangan dan persepsi yang berbeza oleh pengguna Muslim, sekaligus menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna Muslim amat peka dan sensitif terhadap isu halal.